



جَابَاتَانِ مُؤْتَى نَغْرِي مَلَاكَا
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

Hisab dan Rukyah Dalam Penentuan Awal Bulan Islam di Malaysia

Memartabatkan Ilmu Falak Dalam Masyarakat



Disediakan oleh

Bahagian Falak Syarie
Jabatan Mufti Negeri Melaka

Kandungan

01

Peranan Jabatan Mufti Dan Bahagian
Falak Syarie

02

Lokasi Cerapan di Malaysia

03

Kaedah Imkanur Rukyah

04

Kaedah Penetapan Awal Bulan Islam
dalam Takwim Hijri

05

Isu-Isu Takwim Hijri

Peranan Jabatan Mufti Negeri Melaka

Jabatan Mufti Negeri Melaka merupakan agensi di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka yang memainkan peranan dalam bidang rujukan hukum syarak, kefatwaan dan falak syarie di negeri Melaka. Jabatan Mufti Negeri Melaka diketuai oleh Sahibus Samahah Mufti Kerajaan Negeri sebagai Ketua Jabatan serta dibantu oleh seorang Timbalan Mufti.

Struktur organisasi Jabatan Mufti Melaka dipecahkan kepada 5 bahagian iaitu:

- i. Bahagian Fatwa dan Buhuth
- ii. Bahagian Falak Syarie
- iii. Bahagian Sumber Maklumat
- iv. Bahagian Teknologi Maklumat
- v. Bahagian Khidmat Pengurusan



Peranan Bahagian Falak Syarie

Bahagian Falak Syarie merupakan bahagian yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal ehwal falak syarie di negeri Melaka. Antara tugas bahagian ini adalah menyusun dan menyediakan takwim hijri dan miladi, menyediakan data waktu solat, jadual waktu imsak dan berbuka puasa. Selain itu, bahagian Falak Syarie turut melaksanakan semakan, penentuan dan penandaan arah kiblat, menjalankan aktiviti pendidikan falak syarie dan astronomi, serta mengurus dan mengoperasikan balai cerap, planetarium dan pusat latihan.



Kompleks Falak Al-Khawarizmi

Kompleks ini dibina secara berfasa bermula tahun 2002 sehingga hari ini. Tujuan utama kompleks ini dibina adalah sebagai lokasi rasmi bagi penentuan hilal khusus di negeri Melaka.



SEJARAH PENUBUHAN KOMPLEKS FALAK AL-KHAWARIZMI



Balai Cerap Al-Khawarizmi

- Dibina pada tahun 2002
- Mula beroperasi tahun 2003
- Lokasi melihat hilal di Melaka Selepas di menara Masjid Pantai Rombang, Tanjung Kling Melaka



Planetarium Al-Khawarizmi

- Dibina pada tahun 2005
- Mula beroperasi tahun 2006
- Planetarium digital pertama di Melaka



Pusat Latihan

- Dibina pada tahun 2006
- Pusat latihan ini mempunyai kemudahan auditorium, bilik kuliah, dewan serbaguna, dewan makan dan pusat penginapan.

29 LOKASI RASMI CERAPAN HILAL DI MALAYSIA



Semenanjung Malaysia (Zon Utara & Tengah)

PERLIS
Menara Pandang Masjid Al-Hussain

KEDAH
Kampung Pulau Sayak, Kuala Muda
Pemandangan Indah, Pulau Langkawi
Menara Alor Setar, Kedah

PULAU PINANG
Pusat Falak Sheikh Tahir, Pantai Aceh

PERAK
Pantai Pasir Panjang, Mukim Pengkalan Baru,
Daerah Manjong

KUALA LUMPUR
Menara Kuala Lumpur

PUTRAJAYA
PICC, Putrajaya

Semenanjung Malaysia (Zon Pantai Timur)

PAHANG
Bukit Tanjung Batu, Nanasji, Pekan, Pahang
Menara Kuantan 188, Pahang
Gunung Brinchang, Cameron Highlands, Pahang

KELANTAN
Menara SEDC, Kota Bharu
Bukit Peraksi, Pasir Putih, Kelantan
Bukit Kampung Tembeling, Kuala Krai

TERENGGANU
Bukit Geliga, Kemaman
Bukit Besar, Kuala Terengganu
Balai Cerap KUSZA, Merang, Setiu
Pulau Perhentian, Besut

Labuan
Menara Universiti Malaysia
Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan

Semenanjung Malaysia (Zon Selatan)

NEGERI SEMBILAN
Balai Cerap Negeri Sembilan,
Port Dickson

Melaka
Kompleks Falak Al-Khwarizmi,
Tg. Bidara, Melaka

Johor
Bangunan Sultan Ismail, Pontian Kecil
Johor

Sabah, Sarawak & WP Labuan

Sarawak
Pusat Falak Miri, Luak Esplanade, Miri
Pusat Falak Bintulu, Tanjung Batu, Bintulu
Teluk Bandung, Kuching, Sarawak

Sabah
Balai Cerap Al-Biruni, Tg. Dampil, Putatan

JUPEM

Sumber: Almanak Falak Syarie Malaysia Tahun 2026

Jupem.my
@jupem.malaysia

SENARAI AHLI JAWATANKUASA RUKYAH ANAK BULAN PERINGKAT NEGERI MELAKA

- | | |
|--|--|
|  <p>S.S DATUK WIRA HJ. ABDUL HALIM BIN TAWIL
MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA
(KETUA ROMBONGAN)</p> |  <p>DR. HJ. KASSIM BIN HJ. BAHALI
YANG DIPERTUA
PERSATUAN FALAK SYARIE NEGERI MELAKA</p> |
|  <p>S.S TUAN HJ. EHSAN BIN MOHD HOSNI
TIMBALAN MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA</p> |  <p>DR. RADZUAN BIN NORDIN
PENSYARAH KANAN
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
(UTEM)</p> |
|  <p>Y.A.A TUAN HJ. AZZEMAN BIN HJ. OMAR
KETUA HAKIM SYARIE
MAKHAMAH SYARIAH NEGERI MELAKA</p> |  <p>TUAN SHAIFULFAZLEE BIN MOHAMAD
SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA</p> |
|  <p>DATUK MD AZHAN BIN SAMAT
PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI MELAKA</p> |  <p>DR. MOHAMAD NAZLI BIN OMAR
PENSYARAH KANAN
UNIVERSITI MELAKA (UNIMEL)</p> |
|  <p>SR. NIK MOHD WAFI BIN NIK MOHAMED DAUD
PENGARAH
JABATAN UKUR DAN PEMETAAN NEGERI MELAKA
(JUPEM)</p> |  <p>EN. MOHD RAZLAN BIN AHMAD
PENSYARAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI (ACIS),
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, UITM SHAH ALAM, SELANGOR</p> |

“ KAEDAH PENETAPAN AWAL RAMADAN, SYAWAL DAN ZULHIJAH BAGI SELURUH MALAYSIA

MAJLIS RAJA-RAJA TELAH MEMPERSETUJUI BAHAWA CARA MENETAPKAN TARIKH PERMULAAN BAGI AWAL BULAN RAMADAN, SYAWAL DAN ZULHIJAH DI SELURUH NEGERI DI MALAYSIA ADALAH BERDASARKAN RUKYAH DAN HISAB (IMKANUR RUKYAH)

”

Rukyah Dan Hilal Amalan Sunnah

Penentuan awal bulan secara tradisinya diajarkan oleh baginda Rasulullah S.A.W iaitu secara rukyah (mencerap) hilal.

Hilal sebagai tanda waktu telah disebut dalam Al-Quran, menerusi berfirman Allah SWT yang bermaksud ;

يَسْأَلُونَكَ عَنِ الْأَهْلِ قُلْ هِيَ مَوَاقِيتُ لِلنَّاسِ وَالْحَجِّ

"Mereka bertanya kepada engkau dari hal hilal. Katakanlah hilal itu adalah tanda-tanda waktu bagi manusia dan (bagi ibadat) haji.

(Al-Baqarah : 189)



Rasulullah S.A.W bersabda yang maksudnya:

"Sebulan itu adalah dua puluh sembilan hari. Apabila kamu sekalian melihat hilal Ramadhan berpuasalah dan bila kamu sekalian melihat hilal syawal berayalah. Jika mendung/terhalang maka takdirkan hilal itu" (Muslim)

Kriteria Imkanur Rukyah 1443H

Kriteria ini telah dibentangkan dalam Muzakarah Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Malaysia pada 10 Februari 2021M dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Melaka pada 25 Februari 2021M.


Penggunaan Kriteria Baharu Imkanur Rukyah bagi Penentuan Bulan Hijrah dalam kalaendar Hijrah di Malaysia iaitu ;

Hilal dianggap boleh kelihatan apabila kiraan memenuhi syarat berikut:

Ketika Matahari terbenam, ketinggian hilal di atas ufuk (horizon) tidak kurang daripada 3° (tiga darjah)

DAN

jarak lengkung antara hilal ke Matahari (sudut elongasi) tidak kurang daripada 6.4° (enam darjah dua puluh empat minit)



Majlis Cerapan Rasmi Rukyah Hilal Peringkat Negeri Melaka



Penetapan Tarikh Awal Syawal 1446 H/ 2025M

Lokasi Rukyah : Kompleks Falak Al-Khawarizmi, Kg. Balik Batu, Tanjung Bidara, Melaka


Latitud Lokasi : 2° 17' 39" U

Longitud Lokasi : 102° 05' 06" T

Tarikh Rukyah : 29 Ramadan 1446H / 30 Mac 2025M (Ahad)

Waktu Ijtimak : Tarikh : 29 Mac 2025M, Sabtu, Masa : 18:58

30/03/2025 (AHAD)	GHURUB	KETIKA GHURUB MATAHARI				LAMA HILAL DI ATAS UFUK
		ALTITUD	AZIMUTH	UMUR HILAL	ELONGASI	
MATAHARI	19:21	-00° 25' 11"	274° 00' 34"	-	-	-
BULAN	20:10	10° 33' 06"	281° 27' 20"	25 jam 12 minit	13° 43' 05"	49 minit
KETETAPAN IMKANUR RUKYAH	-	03° 00' 00"	-	-	06° 24' 00"	-
STATUS HILAL	Memenuhi Imaknur al-Rukyah					



Dari data-data rukyah yang digunakan pada 29 Ramadan 1446H bersamaan 30 Mac 2025M, Ijtimak berlaku pada jam 18:58 pada 29 Mac 2025M waktu tempatan, (Sabtu). Matahari ghurub (terbenam) pada jam 19:21 manakala Bulan ghurub pada jam 20:10 dan Bulan berada dia atas ufuk pada ketinggian 10° 33' 06" dan pada jarak lengkung 13° 43' 05"

Rumusan Data Hisab Falak Bagi Syawal 1446H/2025M

Berdasarkan data-data yang diperolehi, altitud (ketinggian) dan elongasi (jarak lengkung antara hilal ke matahari)


MEMENUHI KRITERIA IMKANUR-RUKYAH

Oleh yang demikian, **31 Mac 2025M (Isnin)** bersamaan 1 syawal 1446H.



TARIKH HIJRI	TARIKH MILADI	HARI	PERAYAAN / HARI KEBESARAN ISLAM
1 SYAWAL 1446H	31 MAC 2025M	ISNIN	AWAL SYAWAL



HILAL TELAH KELIHATAN DI PERLIS




HILAL TELAH KELIHATAN DI LANGKAWI



INFOGRAFIK DAN HILAL MUHARAM 1447H

DATA CERAPAN HILAL ZULHIJAH 1446H
 Lokasi Cerapan: Balai Cerap Al-Khwarizmi, Melaka (2d 17m 35s U, 102d 05m 06s T)



Kedudukan Bulan-Matahari Ketika Cerapan 27/5/2025 di Balai Cerap Al-Khwarizmi, Melaka



DATA CERAPAN HILAL ZULHIJAH 1446H

Lokasi Cerapan: Balai Cerap Al-Khwarizmi, Melaka (2d 17m 35s U, 102d 05m 06s T)

Kedudukan Bulan-Matahari Ketika Cerapan 28/5/2025 di Balai Cerap Al-Khwarizmi, Melaka



HILAL ZULHIJAH 1446H

Tarikh / Masa : 28 Mei 2025M (30 Zulkaedah 1446H) / 7.17 pm MYT
 Umur Bulan : 33 Jam 35 Minit
 Altitud Bulan : 16° 02' 53"
 Jarak Lengkung : 18° 32' 08"
 Azimut Bulan : 299° 03' 02"
 Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-60C, ZWO ASI678MC
 Lokasi : Balai Cerap Al-Khwarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
 Latitud : 2° 17' 35"
 Longitud : 102° 5' 6"

Imej-Imej Hilal Dari Balai Cerap Al-Khawarizmi



HILAL REJAB 1447H

Tarikh / Masa : 21 Disember 2025M (30 Jamadilakhir 1447H) / 7.10 pm MYT
Umur Bulan : 34 Jam 34 Minit
Altitud Bulan : 13° 29' 45"
Jarak Lengkung : 15° 10' 46"
Azimut Bulan : 241° 40' 35"
Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-60C, ZWO ASI678MC
Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
Latitud : 2° 17' 35"
Longitud : 102° 5' 6"



HILAL ZULHIJAH 1446H

Tarikh / Masa : 28 Mei 2025M (30 Zulkaedah 1446H) / 7.17 pm MYT
Umur Bulan : 33 Jam 35 Minit
Altitud Bulan : 16° 02' 53"
Jarak Lengkung : 18° 32' 08"
Azimut Bulan : 299° 03' 02"
Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-60C, ZWO ASI678MC
Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
Latitud : 2° 17' 35"
Longitud : 102° 5' 6"



HILAL RAMADAN 1446H

Tarikh / Masa : 1 Mac 2025M (30 Syaaban 1446H) / 7.27 pm MYT
Umur Bulan : 35 Jam 55 Minit
Altitud Bulan : $16^{\circ} 30' 38''$
Jarak Lengkung : $18^{\circ} 57' 45''$
Azimut Bulan : $270^{\circ} 00' 21''$
Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
Latitud : $2^{\circ} 17' 35''$
Longitud : $102^{\circ} 5' 6''$



HILAL RABIUL AWAL 1446H

Tarikh / Masa : 4 September 2024M (30 Safar 1446H) / 7.20 pm MYT
Umur Bulan : 34 Jam 19 Minit
Altitud Bulan : $11^{\circ} 13' 56''$
Jarak Lengkung : $14^{\circ} 08' 04''$
Azimut Bulan : $271^{\circ} 15' 38''$
Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 80D
Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
Latitud : $2^{\circ} 17' 35''$
Longitud : $102^{\circ} 5' 6''$



HILAL ZULHIJAH 1444H

Tarikh / Masa : 19 Jun 2023M (30 Zulkaedah 1444H) / 7.23 pm MYT
Umur Bulan : 30 Jam 46 Minit
Altitud Bulan : $12^{\circ} 29' 47''$
Jarak Lengkung : $14^{\circ} 12' 27''$
Azimut Bulan : $297^{\circ} 50' 16''$
Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 750D
Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
Latitud : $2^{\circ} 17' 35''$
Longitud : $102^{\circ} 5' 6''$



HILAL ZULKAEDAH 1444H

Tarikh / Masa : 20 Mei 2023M (29 Syawal 1444H) / 7.44 pm MYT
Umur Bulan : 18 Jam 51 Minit
Altitud Bulan : $1^{\circ} 15' 34''$
Jarak Lengkung : $9^{\circ} 14' 16''$
Azimut Bulan : $294^{\circ} 44' 50''$
Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 750D
Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)
Latitud : $2^{\circ} 17' 35''$
Longitud : $102^{\circ} 5' 6''$



HILAL RAMADAN 1444H

Tarikh / Masa : 22 Mac 2023M (29 Syaaban 1444H) / 7.45 pm MYT

Umur Bulan : 18 Jam 22 Minit

Altitud Bulan : $2^{\circ} 59' 33''$

Jarak Lengkung : $9^{\circ} 14' 15''$

Azimet Bulan : $272^{\circ} 43' 24''$

Peralatan Cerapan : Teleskop Takahashi FS-128, Kamera DSLR Canon EOS 750D

Lokasi : Balai Cerap Al-Khawarizmi Melaka (Jabatan Mufti Negeri Melaka)

Latitud : $2^{\circ} 17' 35''$

Longitud : $102^{\circ} 5' 6''$



HILAL ZULHIJJAH 1443H

30 Zulkaedah 1443H, 30 Jun 2022M, 8.09 malam

Balai Cerap Al-Khawarizmi, Melaka

Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka




HILAL RAMADHAN 1443H

30 Syaaban 1443H, 2 April 2022M, 7:40 malam
Balai Cerap Al-Khawarizmi, Melaka
Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka



HILAL REJAB 1443H

30 Jamadilakhir 1443H, 2 Februari 2022M
8.01 malam
Balai Cerap Al-Khawarizmi, Melaka
Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka



HILAL SYAABAN 1443H

29 Rejab 1443H, 3 Mac 2022M
7:41 malam
Balai Cerap Al-Khawarizmi, Melaka
Bahagian Falak Syarie, Jabatan Mufti Negeri Melaka

Isu-isu Berkaitan Penetapan Bulan Islam Di Malaysia

PERAK DAN JOHOR BERAYA AWAL

Pada tahun 1983M telah berlaku dua (2) tarikh bagi menyambut 1 Syawal 1403H bagi negeri-negeri di Malaysia.

PENETAPAN 1 SYAWAL 1443H

Tahun 1443H/2021M telah mencatat satu nostalgia baharu untuk semua umat Islam di Malaysia bagi menyambut 1 (satu) Syawal 1443H.

TARIKH HARI RAYA AIDILADHA DI MALAYSIA

Jarak antara Malaysia dan Arab Saudi adalah sejauh 7000 km terpisah dengan dan lima (5) Zon waktu. Justertu, terdapat isu berkaitan penetapan tarikh Hari Raya Aidiladha pada 10 Zulhijjah.

PERAK DAN JOHOR BERAYA AWAL

Pada Julai 1983, telah berlaku dua (2) tarikh bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri yang berbeza antara negeri-negeri di Malaysia. Negeri Perak telah mengisytiharkan 1 Syawal sehari lebih awal kemudian diikuti dengan negeri Johor berbanding negeri-negeri yang lain.




Nasib baik tak kecoh, Utusan Malaysia bertarikh 14 Julai 1983. Imej dari Utusan.

PENETAPAN 1 SYAWAL 1443H



Penentuan awal bulan hijri di Malaysia menggunakan kaedah rukyah dan hisab. Rukyah (melihat anak bulan) dilaksanakan pada hari ke 29 setiap bulan (29 Ramadan). Sekiranya anak bulan tidak kelihatan, maka hisab digunakan dengan merujuk kepada syarat kriteria Imkanur Rukyah yang telah dipersetujui. Sekiranya syarat kriteria dipenuhi, maka esoknya akan menjadi 1 Syawal manakala jika tidak dipenuhi, maka esoknya digenapkan menjadi 30 hari (Ramadan).



Berdasarkan data-data cerapan yang ada sehingga kini, rekod anak bulan paling muda yang pernah dicerap (kelihatan) berada pada kedudukan jarak lengkung / (elongasi) 6 darjah ke atas. Selain itu, faktor cuaca pada petang hari rukyah turut memberi kesan dalam kenampakan anak bulan. Walau bagaimanapun, sekiranya anak bulan kelihatan, maka rekod anak bulan baru akan tercipta.

Oleh demikian, berdasarkan data-data hilal Syawal 1443H di atas, anak bulan tidak memenuhi syarat kriteria Imkanur al-Rukyah tahun 2021, namun ia memenuhi syarat kriteria Imkanur al-Rukyah tahun 1995. Oleh demikian, tarikh 1 Syawal 1443H dalam susunan takwim Hijir adalah pada 3 Mei 2022M (Selasa). Namun, ditakdirkan hilal 1 Syawal 1443H kelihatan di Labuan. Oleh itu, 1 Syawal 1443H di sambut pada 2 Mei 2023M.

TARIKH HARI RAYA AIDILADHA DI MALAYSIA

Hari Raya Aidiladha merupakan perayaan yang di sambut oleh umat Islam di Malaysia malah di seluruh dunia. Aidiladha disambut pada hari ke 10 Zulhijjah (Hari Nahar), manakala hari ke 11, 12 dan 13 Zulhijjah (Hari Tasyrik) pada setiap tahun. Salah satu keistimewaan Aidiladha adalah umat Islam dituntut untuk melaksanakan ibadah korban. Ibadat korban hanya boleh dilakukan pada empat hari sahaja iaitu bermula selepas matahari nalu (dhuha) pada 10 Zulhijjah sehingga sebelum terbenam matahari pada hari ke-13 Zulhijjah.



ANGGARAN PERBEZAAN JARAK DARI MALAYSIA KE ARAB SAUDI

Negara Malaysia yang terletak kira-kira 7000 kilometer dari Arab Saudi mempunyai matla' (lokasi tempat terbit dan terbenam matahari dan bulan) yang berbeza serta kaedah tersendiri dalam menentukan permulaan awal bulan mengikut Ulil Amri (pemerintah) negara masing-masing bagi menentukan tarikh-tarikh penting dalam takwim Hijri negara. Kekeliruan masyarakat dalam penentuan Hari Arafah di Malaysia dan Arab Saudi perlu difahami sebaiknya dengan mengikuti keputusan rasmi yang diumumkan oleh penyimpan Mohor Besar Raja-raja Malaysia bagi menentukan permulaan awal Zulhijjah dan Hari Raya Aidiladha di Malaysia.



HILAL DARI UK (UNITED KINGDOM)



HILAL DARI ITALI



HILAL DARI JORDAN



جَابَاتَانِ مُفْتِي نِغَرِي مَلَاكَا
JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

HUBUNGI KAMI

06-384 2148 -Balai Cerap Al-Khawarizmi

06-284 7920/21 - Jabatan Mufti Melaka

mufti@melaka.gov.my

balaicerapalkhawarizmi@gmail.com

jkmmufti@gmail.com